

# Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

**VoA**  
Volume 13 Issue 2  
2018



## **COMMITTEE PAGE**

### ***VOICE OF ACADEMIA***

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

#### ***Chief Editor***

Noor Zaharah Mohd Sidek

#### ***Managing Editor***

Law Kuan Kheng

#### ***Reviewers***

Nurliyana Maludin, Faculty of Business & Finance, UNITAR

Nurul 'Ayn Ahmad Sayuti, Faculty of Art & Design, UiTM

Santhanamery Tominathan, Faculty of Business Management, UiTM

Wan Normila Mohamad, Faculty of Business Management, UiTM

Zauyah Abd Razak, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Zuraidah Zaaba, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Dahlia Ibrahim, Faculty of Business Management, UiTM

Wan Adibah Wan Ismail, Faculty of Accountancy, UiTM

Nor Suziwana Tahir, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Mahadir Ladisma, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Hafizah Besar Sa'aid, Faculty of Business Management, UiTM

Asri Salleh, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Noor Syahidah Mohamad Akhir, Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM

Nadrawina Isnin, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Haijon Gunggut, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Nadzri Ab Ghani, Faculty of Accountancy, UiTM

Marzlin Marzuki, Faculty of Accountancy, UiTM

Intan Marzita Saidon, Faculty of Accountancy, UiTM

Fadilah Puteh, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Azree Ahmad, Faculty of Information Management, UiTM

Tuan Nooriani Tuan Ismail, Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM

Ainul Muhsein, Pusat Pengajian Pengurusan, USM

***Language Editors***

Aishah Musa  
Zetty Harisha Harun  
Robekhah Harun  
Syakirah Mohammed  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Bawani Selvaraj  
Sharina Saad

***IT – Khairul Wanis Ahmad***

***Graphic Designer- Syahrini Shawalludin***

***Copyright © 2018 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah***

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

## TABLE OF CONTENT

- 1** The Study On the End-User Satisfaction Towards The Utilisation Of MyShelves As Teaching And Learning Aid: From The Perspective Of UiTM Johor  
*Suhaila Osman, Muhammad Asyraf bin Wahi Anuar, Rohayu Ahmad*  
Page 1 - 10
- 2** Homestay Operators in Kuching, Sarawak: Qualitative Study  
*Rebecca Dian, Jati Kasuma ,Mohd Amirul Adenan, Jennifah Nordin, Dayang Nur Atikah, Awang Masjar*  
Page 11 - 22
- 3** Pelaksanaan Wakaf di Universiti Awam: Cabaran dan Cadangan Penambahbaikan  
*Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid*  
Page 23 - 34
- 4** Analisis Perbandingan Aplikasi Penentuan Arah Kiblat Dalam Telefon Pintar Asus Zenfone 2 Dan Huawei P9 Lite  
*Nurulhuda Binti Ahmad Zaki, Muhammad Asyraff Anuar*  
Page 35 - 47
- 5** INFORMATION CHANNEL ON MUNICIPAL SERVICES: A Perspectives from Local Affairs  
*Zaherawati Zakaria, Kamarudin Ngah*  
Page 48 - 63
- 6** Reviewing The Importance of Diversity In High Performance Teams  
*Azlyn Ahmad Zawawi, Aizzat Mohd. Nasurdin*  
Page 64 - 70
- 7** Exploration of Study Skills Among Professional Accounting Students: Evidence from Malaysian Public University  
*Melissa Mam Yudi, Mahfuzah Ahmad, Nazreen Sahol Hamid, Normahiran Yatim, Azizah Abdullah*  
Page 71 - 84
- 8** Human Resource Development and Employees' Character Development: A Preliminary Study  
*Kardina Kamaruddin , Siti Hajar Mohd Hussain, Mazirah Binti Mohd Nizam*  
Page 85 - 97
- 9** Improving the Compulsory Land Acquisition Procedure: Interpreting the Land Acquisition (Amendment) Act 2016 (Act A1517)  
*Asma Senawi, Nurulanis Ahmad@Mohamed, Rubiah Mat Zan*  
Page 98 - 107
- 10** The Importance of Information in The Preparation of Feasibility Study for Construction Development  
*Sharifah Nur Aina Syed Alwiee, Nursazwaziha Salehudin, Nor Azlinda Mohamed Sabli, Nurul Afida Isnaini Janipha, Mysarah Maisham*  
Page 108 - 117
- 11** The Relationship Between Bystander Participation Behavior and Innovative Capability In The Malaysian Hotel Industry  
*Nesin Elizabeth Kinat, Noormala Amir Ishak*  
Page 118 - 133
- 12** The Significance of the Hisbah's System in Empowering the Mosque's Jurisdiction  
*Zanirah Mustafa @ Busu, Mohd Miqdad Aswad Ahmad & Badriah Nordin*  
Page 134 - 141



# PELAKSANAAN WAKAF DI UNIVERSITI AWAM: CABARAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

*Rohayati Hussin<sup>1</sup>, Rusnadewi Abdul Rashid<sup>2</sup>*

*Fakulti Undang- Undang, Universiti Teknologi MARA, Kedah  
Fakulti Undang- Undang, Universiti Teknologi MARA, Perlis*

---

## ARTICLE INFO

*Article history:*

*Received 14 May 2018*

*Received in revised form 11 Sep 2018*

*Accepted 10 Oct 2018*

*Published 1 Dec 2018*

---

**Keywords:**

Buku Ungu, Dana, Tabung Wakaf dan Universiti Awam

Corresponding Author:

roha427@kedah.uitm.edu.my

---

## ABSTRACT

*Kebergantungan kepada dana kerajaan bukan lagi satu kelebihan kepada Universiti Awam untuk kesinambungan. Ini kerana Universiti Awam disaran mencari alternatif lain untuk mengurangkan ketergantungan kepada dana kerajaan. Wakaf pada masa kini dilihat mempunyai potensi yang besar sebagai salah satu alternatif untuk menampung kekurangan dana di Universiti Awam. Bertepatan dengan itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh telah menyarankan supaya Universiti Awam menuju Tabung Wakaf pada penghujung 2016 untuk mendepani cabaran kekurangan dana pada tahun yang mendatang. Pelbagai reaksi timbul terhadap saranan itu namun, ia perlu dilihat kepada konteks yang lebih luas. Sehingga kini beberapa Universiti Awam telah menyahut saranan tersebut dengan menuju Tabung Wakaf. Namun begitu, wujud beberapa persoalan sejauh mana ia mampu dilaksanakan di samping beberapa cabaran yang timbul. Oleh itu, artikel ini akan mengupas mengenai beberapa isu dan cabaran yang timbul berkaitan pelaksanaan wakaf di Universiti Awam serta cadangan penamaian ke arah kelestarian wakaf di Universiti Awam. Berteraskan kepada kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisa kandungan (content analysis), artikel ini diharap dapat membuka mata pelbagai pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan pelaksanaan wakaf di Universiti Awam. Pengalaman beberapa universiti di luar negara dalam menerajui dana wakaf perlu dipelajari demi kelangsungan wakaf di universiti di Malaysia*

---

©2018 UiTM Kedah. All rights reserved.

---

## 1.. Pengenalan

Sumber dana yang mencukupi menjadi tulang belakang kepada kejayaan sesebuah institusi pendidikan. Tanpa dana yang mencukupi dan konsisten, sesebuah institusi pendidikan pasti sukar untuk beroperasi dengan baik. Kemelesetan ekonomi global memberi kesan kepada universiti di seluruh dunia termasuk Malaysia. Namun, harapan untuk memberikan pendidikan tinggi terbaik kepada rakyat di negara ini sentiasa menjadi agenda utama kerajaan. Kerajaan dalam masa yang sama mengharapkan Universiti Awam lebih berdikari selaras dengan pengurangan pembiayaan kepada

institusi mereka. Universiti Awam perlu menerima ketentuan bahawa bantuan kerajaan kepada institusi mereka bukan lagi satu kelebihan malahan mereka perlu memikirkan inisiatif dan pendekatan baru untuk kelangsungan sistem pendidikan mereka pada masa hadapan. Pada masa kini Universiti Awam di Malaysia bergantung kepada dana kerajaan sebanyak 80 hingga 90 peratus berbanding universiti terbaik di dunia yang hanya bergantung 30-50 peratus sahaja (Zanariah Abd Mutualib, 2016). Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dalam temubual pada 24 Ogos 2016 menyatakan bahawa kerajaan akan mengurangkan kebergantungan kepada 70 peratus sedikit demi sikit. Pengurangan bajet kepada pendidikan tinggi dapat dilihat sebanyak RM2.4 bilion pada 2016 daripada RM15.78 bilion pada tahun 2015 kepada RM13.37 bilion (Fadhilah Abdullah Asuhaimi, Zurina Shafii, Nursilah Ahmad, & Mohammad Alias, 2017).

Wakaf dilihat sebagai satu instrumen ke arah kemandirian kewangan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Ia perlu dilaksanakan di institusi pengajian tinggi Malaysia untuk mengekalkan kemajuan institusi itu sendiri (*Wan Kamal Mujani, Mohd Syakir Mohd Taib, & Mohamad Khairul Izwan, 2016*). Malah melalui dana wakaf itu sendiri sebenarnya boleh dikembangkan dan dilaburkan bagi menjana keuntungan yang lebih mapan. Pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan tinggi bukanlah instrumen yang baru malahan ia telah dilaksanakan dibeberapa buah universiti terkemuka di negara-negara seperti Mesir, Turki, Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Singapura dan sebagainya. Di Turki contohnya, wakaf menjadi salah satu sumber penjanaan kepada 68 universiti di sana (*Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman, 2015*). Kebanyakan universiti ini mempunyai mekanisma dan kaedah tersendiri dalam pengumpulan dana tetapi menggunakan metod yang sama iaitu wakaf. Dana wakaf yang disumbangkan bukan sahaja melibatkan individu sahaja bahkan pertubuhan dan syarikat korporat juga turut sama berganding bahu dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Kejumudan pemikiran sesetengah masyarakat bahawa wakaf hanya dikaitkan dengan tanah kubur dan masjid perlu diperbetulkan supaya wakaf dapat dimanfaatkan dengan lebih meluas terutama dalam sektor pendidikan tinggi.

Bagi melihat wakaf dilaksanakan dengan lebih serius di Malaysia, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh telah menyarankan agar Universiti Awam menubuhkan Tabung Wakaf pada penghujung tahun 2016. Agenda tersebut juga telah direalisasikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Program Transformasi Universiti (UNiTTP) dengan mengangkat wakaf sebagai agenda penting untuk penjanaan ekonomi Universiti Awam dengan mewujudkan garis panduan sepertimana yang telah dinyatakan dalam Buku Ungu (Purple Book). Namun, perancangan pelaksanaan Tabung Wakaf di Universiti Awam sudah tentu akan menghadapi beberapa cabaran kerana ia baru diperingkat permulaan. Di samping itu, timbul beberapa persoalan dalam mengharungi kemelut kos sara hidup yang tinggi sekarang mampukah Tabung Wakaf yang diwujudkan meraih pendapatan supaya pihak pentadbiran universiti dapat mengurangkan kos pendidikan tinggi rakyat? Apakah tahap kefahaman warga kampus terhadap peranan Tabung Wakaf di universiti?

Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk mengupas mengenai beberapa cabaran dan isu yang timbul berkaitan pelaksanaan wakaf di Universiti Awam di samping pendekatan yang perlu diambil untuk memastikan Tabung Wakaf dapat diwujudkan dengan jayanya. Artikel ini dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu bahagian pertama menerangkan pendahuluan. Bahagian kedua artikel ini membincangkan secara ringkas mengenai tafsiran wakaf dan dalil pensyariatan. Bahagian seterusnya, penulis menghuraikan mengenai perkembangan pelaksanaan wakaf di Universiti Awam di Malaysia. Kemudian, bahagian keempat, kupsasan secara terperinci berkaitan cabaran dan isu berbangkit mengenai pelaksanaan wakaf di Universiti Awam. Seterusnya

beberapa cadangan penambahbaikan diutarakan. Bahagian terakhir kertas kerja ini penulis membuat kesimpulan terhadap persoalan sejauh mana wakaf dapat dilaksanakan dan direalisasikan di Universiti Awam.

## 2. Definisi Wakaf

Menurut Siti Umairah Ali Hamdan (2016) istilah wakaf tidak dinyatakan secara langsung di dalam al-Quran atau al-hadith. Dari sudut bahasa, wakaf berasal dari perkataan Arab iaitu waqf. Waqf merupakan nama terbitan (masdar) dari kata kerja waqafa. Ia mempunyai pelbagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Manakala menurut istilah, wakaf merujuk kepada apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau khas berdasarkan hukum syarak (Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor, 2015). Dalam konteks amalan di Malaysia, merujuk kepada seksyen 2 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, wakaf ertinya:

*“menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebaikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949”*

(Razali Othman, 2014).

## 3. Dalil Pensyariatan Wakaf

Walaupun istilah wakaf tidak disebut secara langsung di dalam al-Quran namun, istilah wakaf sering dikaitkan dengan kebaikan dan pahala yang berterusan. Pemberi wakaf juga sedia maklum bahawa banyak manfaat yang akan diperolehi di dunia dan di akhirat dengan memberi sumbangan dalam bentuk wakaf. Kesedaran pemberi wakaf untuk menyumbang adalah bertepatan dengan dalil di dalam al-Quran dan al-hadith yang menyeru agar manusia berbuat kebaikan daripada harta yang mereka perolehi. Antara dalil tersebut Allah s.w.t telah berfirman di dalam surah al-Baqarah 2: 261 :

*“ Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah umpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (Kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui”*

Sabda Rasulullah s.a.w pula dalam satu hadith yang bermaksud

*“Apabila mati seseorang manusia, habislah amalnya (tidak bertambah lagi kebaikan amalnya itu) kecuali tiga perkara; sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, dan anak yang soleh yang mendoakan kedua ibubapanya”*

(Hadis Riwayat Muslim)

Merujuk ulama' tafsir, perkataan sadaqah jariyah dalam hadith berkenaan adalah merujuk kepada amalan perwakafan kerana bentuk-bentuk sedekah yang lain tidak mempunyai elemen berpanjangan atau kekal sepertimana wakaf (Mohd Ali Muhamad Don, 2016; Siti Umairah Ali Hamdan, 2016).

#### **4.Pengalaman Penubuhan Tabung Wakaf Di Universiti Awam**

Pelaksanaan wakaf sebagai instrumen untuk pembangunan fasiliti dan kemudahan di Universiti Awam di Malaysia pada masa kini dilihat semakin berkembang. Beberapa Universiti Awam telah mengorak langkah lebih awal dengan memperkenalkan model wakaf secara integratif dalam sistem pendidikan mereka iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM) (Aminah Md Yusof, 2016; Syarimie Wosley, 2016). Beberapa Universiti Awam yang lain seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara(UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut mengorak langkah yang sama selaras dengan saranan dan harapan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh untuk mengurangkan kebergantungan Universiti Awam kepada sumber dana kerajaan. Razali Othman (2017) menyatakan bahawa wakaf terus mendapat tempat dan diterima sebagai asas penting dalam penjanaan sumber pendapatan pendidikan tinggi negara. Perkara ini ditegaskan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh dalam Majlis Amanat Menteri Pendidikan Tinggi pada 12 Januari 2017. Beliau turut berkongsi mengenai dana wakaf yang telah dikumpul oleh tujuh Universiti Awam iaitu sebanyak RM13.25 juta. Jumlah kutipan ini tentu akan menjadi lebih besar dengan mengambil kira kutipan dana wakaf yang telah dikutip oleh UPM, USIM, UKM, USM, UTM dan UNISZA. Penerimaan warga Universiti Awam ini menuntut supaya setiap ruang dibuka seluas-luasnya untuk membolehkan wakaf terus diterima dan mendapat tempat di hati mereka. Sekaligus peranan dan sumbangan wakaf dalam dunia pendidikan dapat diserahkan.

Harapan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melihat lebih banyak Universiti Awam menjana pendapatan sendiri melalui instrumen wakaf telah direalisasikan dengan mewujudkan Buku Ungu (Purple Book). Buku Ungu ini merupakan garis panduan kepada Universiti Awam untuk melaksanakan inisiatif tersebut yang meliputi aspek penjanaan pendapatan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur bagi pendidikan tinggi di Malaysia. Bagi Universiti Awam yang baru ingin menubuhkan Tabung Wakaf, Buku Ungu ini perlu dijadikan panduan. Bagi Universiti Awam yang terlebih dahulu menubuhkan Tabung Wakaf, Buku Ungu ini dijadikan rujukan untuk memantapkan lagi pengurusan wakaf di institusi mereka. Di antara contoh pelaksanaan wakaf di Universiti Awam di Malaysia pada masa kini adalah seperti:

##### **1.Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

Dana Wakaf Ilmu UKM (DWIUKM) diwujudkan dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) iaitu sebuah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang merupakan mutawalli tunggal di Negeri Selangor. Dana ini telah dilancarkan pada tahun 2010 di bawah kelolaan Yayasan Canselor UKM. Matlamat pengenalan program wakaf ini adalah untuk memobilisasikan sumbangan dana wakaf dan infak, menjana pendapatan univeristi, mengagihkan pendapatan dari harta wakaf dan infak kepada yang berkelayakan di samping meningkatkan kesedaran warga dan alumni serta masyarakat umumnya tentang kelebihan menginfakkan harta fisabilillah. Kewujudan DWIUKM membolehkan para pewakif yang budiman berwakaf kepada UKM. Selain itu, penubuhan DWIUKM adalah selari dengan hasrat universiti bagi mewujudkan satu bentuk infrastruktur kewangan yang lestari bagi membantu menjaga kebajikan pelajar UKM khususnya serta keseluruhan warga UKM secara amnya. Selain daripada objektif utama ini, DWIUKM juga akan berfungsi bagi merancakkan lagi program-program akademik, penyelidikan, jaringan industri dan mobiliti pelajar di UKM. Terdapat 3 skim yang disediakan iaitu; Skim Hadiah dan Derma UKM, Skim Wakaf Tunai UKM. Skim Wakaf Takaful UKM. Manfaatnya diagihkan untuk

Skim Pendidikan dan Kebajikan Pelajar, Skim Pembangunan Pelajar, Skim Pembangunan Akademik dan Penyelidikan dan Skim Jaringan UKM Industri dan Masyarakat. Walau bagaimanapun sehingga kini manfaat wakaf terkumpul belum dapat diagihkan kerana masih sedikit dan tidak mencukupi (Mohd Ali Muhamad Don, 2016).

## **2.Universiti Putra Malaysia (UPM)**

Pelaksanaan wakaf secara serius di UPM dapat dilihat melalui penubuhan Dana Wakaf Ilmu UPM (DWI). Nuruliman Ibrahim (2016) menjelaskan bahawa penubuhan DWI diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada 16 Ogos 2011 dan telah dirasmikan oleh DYMM Tuanku Canselor pada 19 Ogos 2011. Perjanjian pelaksanaan DWI telah ditandatangani pada 2 Februari 2012 untuk tempoh tiga tahun. Dana Wakaf Ilmu UPM bermaksud inisiatif program penjanaan dana di UPM yang menggunakan kaedah wakaf melalui sumbangan individu, sumbangan korporat, koperasi dan badan bukan kerajaan, pulangan dari hartanah wakaf, hasil projek sektor pertanian dan perladangan, hasil projek sektor perindustrian dan pulangan portfolio pasaran wang dan modal bertujuan untuk mewujudkan suatu infrastruktur jangka panjang yang lestari bagi memenuhi sebahagian keperluan dan pembiayaan aktiviti akademik melibatkan Warga UPM. Terdapat empat skim pilihan dalam DWI iaitu Skim Wakaf Umum, Skim Wakaf Kitab, Skim Wakaf Fasiliti dan Skim Wakaf Kenderaan Khas. Matlamat DWI adalah untuk menjadi penggerak kepada amalan sedekah jariah melalui dana wakaf, memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk melaksanakan aktiviti kebajikan dan memainkan peranan tersebut adalah untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah, penyelidikan dan inovasi serta khidmat komuniti (Nur Saadah Rozali, Suhaili Alma'amun, & Shifa Mohd Nor, 2016). DWI UPM boleh disertai oleh sesiapa sahaja menerusi pelbagai pilihan kaedah kutipan seperti:

- (i) Kaunter (Tunai/Kad/Cek/Pelarasan antara PTJ);
- (ii) Tabung/Peti Derma;
- (iii) CIMBclicks/FPX;
- (iv) Skim Potongan Gaji (untuk staf UPM sahaja);
- (v) Sistem E-Claims (untuk staf UPM sahaja); dan
- (vi)Lain-lain kaedah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemegang Amanah Dana Wakaf Ilmu (<http://fund4knowledge.upm.edu.my/>).

## **3.Universiti Sains Islam Malaysia(USIM)**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mewujudkan Dana Wakaf Al-Abrar USIM yang diterajui oleh pusat tanggungjawab Universiti, Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW). Penubuhan dana ini telah diluluskan dan didaftarkan dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Objektif utama penubuhan PPPW adalah menguruskan kutipan dan agihan tabung amanah. Tujuan penubuhan Dana Wakaf Al-Abrar USIM adalah untuk menjadi penggerak dan penganjur utama kepada amalan sedekah jariah dan pengimaranan ilmu melalui sumbangan dana wakaf dan infak sebagai wadah meningkatkan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. USIM telah dilantik oleh MAINS sebagai mutawalli Dana Wakaf pada 22 Julai 2013. Sebagai mutawalli, USIM boleh membangun dan menguruskan Dana Wakaf serta mengagihkan manfaat kepada golongan sasaran yang dihasratkan waqif. Oleh itu, USIM perlu menyediakan laporan kewangan tahunan kepada MAINS untuk rujukan dan perekodan. Sebagai sebuah universiti yang mempelopori Sains Islam, pihak pengurusan USIM merasakan adalah suatu kewajipan warga universiti untuk menjayakan pengurusan pembiayaan wakaf supaya kepakaran yang ada di USIM dapat memberi manfaat kepada ummah dari segi pemantapan

pendidikan Islam. Idea mewujudkan universiti hybrid yang ingin dilaksanakan USIM adalah gabungan konsep social enterprise, syariah compliant dan waqf financing. Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr Asma Ismail, dalam ucapan Tahun Baharu 2013, beliau telah mengenal pasti pembiayaan wakaf sebagai sumber pembiayaan yang lestari untuk pembangunan di USIM untuk kegunaan warga universiti dan masyarakat.

## 5. Cabaran Pelaksanaan Tabung Wakaf Di Univeristi Awam

Pelaksanaan wakaf dalam Universiti Awam masih dalam tahap permulaan dan memerlukan pemerhatian yang lebih serius oleh pelbagai pihak untuk memajukannya. Isu-isu dan cabaran yang timbul harus diketengahkan dalam mengarusperdanakan wakaf diperingkat global. Persoalan sejauhmana Tabung Wakaf dapat dilaksanakan dan dilestarikan akan terungkai dan terjawab apabila apabila isu-isu yang timbul diberi perhatian dan cuba diselesaikan. Oleh itu, penulis merasakan bahawa isu dan cabaran perlu diketengahkan dalam kertas kerja ini supaya ia dapat membuka mata pelbagai pihak dalam usaha menjadikan wakaf sebagai penjanaan pendapatan kepada Universiti Awam. Maka, perbincangan seterusnya adalah menfokuskan kepada cabaran yang dihadapi oleh Universiti Awam dalam usaha menubuhkan Tabung Wakaf di institusi mereka.

### 1. Penerimaan Pihak Pentadbir Tertinggi Dan Pemahaman Warga Universiti

Bagi merealisasikan pelaksanaan wakaf di Universiti Awam, persoalan timbul sejauh mana pentadbir tertinggi di universiti menerima cadangan Menteri Pendidikan Tinggi untuk menubuhkan Tabung wakaf? Sokongan dan pemahaman pentadbir tertinggi di UA mengenai konsep wakaf untuk pendidikan tinggi amat penting supaya saranan itu dapat direalisasikan. Berdasarkan pemerhatian penulis di media sosial serta perbincangan bersama beberapa orang pentadbir wakaf dan para akademik di Universiti Awam penulis dapat membuat kesimpulan bahawa pihak tertinggi di universiti menyokong saranan kerajaan untuk menubuhkan Tabung Wakaf. Akan tetapi beberapa kerisauan yang timbul bagi merealisasikan saranan tersebut. Mewujudkan Tabung Wakaf mungkin tidak begitu sukar tetapi untuk memastikan matlamat penubuhan tabung itu berjaya menjadi cabaran sekiranya warga universiti seperti pentadbir, pensyarah dan pelajar tidak memahami akan konsep wakaf itu sendiri. Ismail Omar (2016a) menyatakan bahawa hanya 20 peratus sahaja tenaga pekerja di universiti yang memahami pengertian wakaf dalam erti kata sebenar. Kenyataan beliau adalah berdasarkan kepada kajian yang dijalankan Universiti Awam. Manakala, sebanyak 80 peratus lagi kurang memahami konsep wakaf. Walaupun konsep wakaf sudah diperkenalkan di peringkat universiti tetapi masih ada para intelek yang tidak nampak potensi wakaf malahan ada yang melihat wakaf hanyalah tempat duduk dan tempat berhenti atau pondok tempat beristirehat. Ada juga pensyarah yang kurang faham tentang perbezaan antara wakaf dengan endowmen. Ada pula keliru dengan wakaf buku dan wakaf harta intelek (IP).

### 2. Tadbir Urus Tabung Wakaf

Gerakan mewujudkan Tabung Wakaf sudah semestinya dapat melestarikan pengajian tinggi pada masa akan datang sekiranya direalisasikan dan diuruskan secara profesional. Jika ini menjadi kenyataan maka universiti mampu beroperasi tanpa kenaikan yuran ketara yang dapat menimbulkan rasa kurang senang di kalangan pelajar dan masyarakat. Dalam usaha mengumpul dana untuk Tabung Wakaf Universiti Awam, pelbagai instrumen dan kaedah penjanaan telah digunakan dan metod yang paling popular digunakan adalah wakaf tunai. Cara ini juga popular di negara-

negara seperti Syria, Turki, Afrika Selatan, Singapura, Pakistan dan Mesir (*Fadhilah Abdullah Asuhaimi, Shafii, Alias, & Nursilah Ahmad, 2017*). Wakaf tunai dijana melalui pelbagai kaedah seperti yang telah diamalkan dan dibincangkan di Universiti Awam sebelum ini. Dana wakaf yang terkumpul perlu ditadbir oleh profesional yang mahir bagi menjana pendapatan sebagaimana dibenarkan oleh undang-undang dan mematuhi kehendak syariah. Tabung Wakaf yang ditadbir dan diurus dengan baik berpotensi mempunyai masa depan yang cerah. Namun, kekurangan pakar dan profesional untuk mentadbir Tabung Wakaf di universiti menjadi kekangan kepada matlamat menjayakan Tabung Wakaf.

Dari aspek pelaburan, banyak aspek yang perlu dikaji sebelum dana wakaf digunakan untuk pelaburan. Aspek modal insan untuk mentadbir dan menguruskannya perlu diberi keutamaan. Maksud modal insan profesional bukan sekadar mengetahui ilmu asas berkaitan wakaf semata-mata, malahan mempunyai pengalaman dalam pentadbiran wakaf yang mendalam dan praktikal. Pentadbir Tabung Wakaf perlu mengetahui dengan lebih mendalam hukum-hakam berkaitan wakaf seperti peranan dan tugas mutawalli dan nazir. Pada masa sama, mereka juga perlu memahami dengan mendalam perundungan yang berkaitan tanah, harta tanah, proses pembangunan tanah, strategi perniagaan wakaf, risiko dan ketidakpastian dalam membangunkan wakaf dan sebagainya. Justeru, perkara ini perlu diberi perhatian serius semua pentadbir Tabung Wakaf yang prihatin untuk memajukan Tabung Wakaf universiti.

### **3.Kekurangan Dana Untuk Pembangunan Wakaf**

Kekurangan dana untuk membangunkan projek-projek wakaf yang dirancang menjadi kerisauan pentadbir wakaf di Universiti Awam. Cabaran kekurangan dana ini perlu difikirkan dari awal penubuhan Tabung Wakaf supaya strategi yang lebih proaktif dan kreatif dapat diwujudkan agar usaha pembangunan wakaf berjalan lancar. Universiti pula tidak boleh hanya berharap sumbangan orang ramai dan alumni sahaja. Kajian penulis dan juga beberapa penyelidik lain seperti Van Diepen and Wiepking menunjukkan bahawa terlalu kerap ‘meminta’ akan menyebabkan donor fatigue yang akan memberi kesan negatif kepada tabung wakaf atau endowmen organisasi pada masa akan datang. Oleh itu, pentadbiran Tabung Wakaf perlu lebih proaktif mengintai dan meneroka peluang penjanaan pendapatan dan ini perlu diurus oleh mereka yang profesional dalam bidang berkaitan (*Aminah Md Yusof, 2016*).

### **4.Kesedaran Masyarakat Terhadap Penubuhan Tabung Wakaf Di Universiti Awam**

Beberapa Universiti Awam di Malaysia telah berjaya mengumpul sejumlah dana bagi Tabung Wakaf mereka, tetapi sambutan masyarakat masih kurang. Menurut Mohd Ali Muhamad Don (2016) sehingga kini belum ada kajian terperinci yang dapat membuktikan kesahihan punca sebenar tentang kesedaran amalan berwakaf di kalangan umat Islam. Akan tetapi, kesedaran masyarakat untuk berwakaf ada berkait rapat dengan faktor pendidikan dan publisiti yang dimainkan oleh pemimpin, ulama’, pendidik dan pegawai kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya masyarakat diberikan pendedahan berkaitan berkaitan pelaksanaan wakaf di universiti, sumbangan mereka mungkin lebih tinggi (*Suhaili Sarif, Nor ’Azzah Kamri, Siti Mashitoh Mahamood, & Muhammad Zaid Suhaimi, 2015*). Ismail Omar (2016a) dalam artikelnya menyatakan kebimbangan mampukah Universiti Awam menjana pendapatan melalui wakaf di samping masyarakat bergelut dengan kos sara hidup yang tinggi sekarang.

## 5. Kekurangan Panduan Yang Jelas Sebagai Rujukan

Dalam keterangan Universiti Awam menubuhkan Tabung Wakaf, terdapat beberapa perundungan berkaitan pendidikan tinggi yang perlu disemak dan diteliti agar tidak berlaku sebarang isu kemudian hari. Antaranya termasuklah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, Perlembagaan Universiti, Akta Syarikat 1965, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan yang lain-lain. Selain itu, menurut Ismail Omar (2016a) dasar yang jelas diperlukan oleh Universiti Awam bagi memastikan pencapaian dan keberhasilan penubuhan Tabung Wakaf. Dasar merupakan idea atau pelan untuk bertindak dalam situasi tertentu yang dipersetujui oleh organisasi, kerajaan atau kesatuan. Maknanya, dasar adalah peraturan yang memandu dan memacu kegiatan manusia. Persoalannya adakah Buku Ungu yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi sudah cukup sebagai panduan untuk penubuhan dan pengendalian Tabung Wakaf sepenuhnya? Ismail Omar (2016b) berpendapat bahawa Buku Ungu hanyalah sekadar nota dan bukanlah panduan yang menjadi dasar untuk penubuhan dan pengurusan Tabung Wakaf sepenuhnya. Sehingga kini belum ada dasar khas yang menjadi rujukan Universiti Awam selain daripada Buku Ungu. Dalam konteks Perlembagaan Universiti pula, istilah wakaf tidak disebut secara langsung. Namun begitu, ia tidak menafikan hak universiti untuk mengumpul dana melalui instrumen wakaf kerana universiti sebagai entiti korporat mempunyai kuasa menurut undang-undang berdasarkan Jadual 1, seksyen 8, di bahagian 1 (Perlembagaan), perkara 3 (3c) AUKU 1971. Peruntukan ini menjelaskan bahawa sesebuah universiti mempunyai kapasiti untuk melaksanakan sebarang transaksi berbentuk kehartaan termasuk dalam hal memiliki harta, menjual dan membeli sebarang harta sama ada harta alih dan tidak alih, membuat pajakan, pertukaran, sumbangan dan sebagainya.

## 6. Cadangan Penambahbaikan Ke Arah Kelestarian Wakaf Di Universiti Awam

### 1. Pembudayaan Wakaf Di Universiti

Pembudayaan wakaf di universiti perlu dilaksanakan dengan mengadakan aktiviti permasaran dan promosi yang efektif agar kesedaran mengenai wakaf dapat dipupuk dan disebarluaskan. Selain itu, penulis merasakan adalah menjadi keperluan agar konsep wakaf dimasukkan dalam subjek tertentu di universiti supaya konsep itu difahami dan diterapkan dari akar umbi lagi. Diharapkan pemahaman yang diterapkan diperingkat universiti dapat dimanfaatkan kepada masyarakat di luar pada masa akan datang. Persepsi masyarakat bahawa wakaf hanya untuk kubur dan masjid perlu diperbetulkan dengan adanya promosi dan penerangan tentang makna sebenar wakaf secara meluas (Ismail Omar, 2016a).

### 2. Tadbir Urus Tabung Wakaf Secara Professional

Pihak pentadbir wakaf di Universiti Awam merupakan mutawalli berkelayakan yang dilantik sebagai pemegang amanah untuk menguruskan dana wakaf. Mereka bertanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus aset wakaf dengan sebaik mungkin berlandaskan syariah dan undang-undang di Malaysia serta mengekalkan prinsip wakaf pada harta wakaf. Siti Umairah Ali Hamdan (2016) menjelaskan bahawa mutawalli yang dilantik perlu menguruskan wakaf dengan nilai-nilai etika seperti kesepakatan, ketelusan, kebertanggungjawaban, keadilan, perancangan yang mantap bagi memastikan harta dan manfaat wakaf mampu digunakan secara berterusan. Di samping itu, Ismail Omar (2016b) mencadangkan agar pihak yang terlibat dalam mentadbir dan mengurus dana wakaf mewujudkan pelan pembangunan dan garis panduan untuk menjalankan aktiviti wakaf

supaya kegiatan wakaf boleh dijalankan dengan profesional. Governan wakaf yang bermasalah boleh mengundang fitnah dan persepsi negatif masyarakat terhadap pelaksanaan wakaf di Universiti Awam. Cadangan di dalam Buku Ungu agar pembentukan jawatankuasa dan pembentukkan badan pengurusan khas berkaitan wakaf amat relevan supaya dana wakaf dapat diuruskan dan dilaksanakan dengan lebih baik dan terfokus.

Selain daripada wakil universiti dalam jawatankuasa yang ingin dibentuk perlu terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran pelbagai bidang seperti hukum syarak, undang-undang, percuakan, kewangan Islam dan lain-lain (Siti Mashitoh Mahamood, 2016). Penglibatan Majlis Agama Islam Negeri dalam Jawatankuasa yang ditubuhkan itu amat penting dalam menyelia dan mengawal operasi perjalanan unit wakaf itu. Dalam konteks pelaksanaan gerak kerja pula, budaya kerja Islam perlu diterapkan dalam organisasi governan wakaf disamping amalan kod etika khas dalam pengurusan wakaf untuk mencapai kecemerlangan sebagaimana institusi terdahulu adalah amat wajar diberi perhatian.

### **3. Memperluaskan Skop Kutipan Wakaf Dan Pemantapan Strategi Pelaburan**

Isu kekurangan dana untuk membangunkan projek wakaf diharapkan dapat ditangani sekiranya Universiti Awam lebih kreatif dan proaktif dalam mempromosikan Tabung Wakaf mereka. Keterbukaan pihak pentadbir wakaf untuk mewujudkan jalinan rangkaian yang luas dengan pelbagai pihak, tentunya dapat memperluaskan skop kutipan wakaf. Skop kutipan perlu diperluaskan dan tidak hanya bergantung kepada warga kakitangan dan pelajar institusi itu sendiri. Tetapi, sumbangan dan kutipan daripada mana-mana syarikat atau individu dalam negara mahupun luar negara juga boleh diperoleh dan diterima. Bagi perolehan dana yang lebih besar, perlu adanya kekuatan dalam persediaan perancangan kertas cadangan yang lengkap dari permulaan hingga kepada perjalanan projek selepas disiapkan merangkumi tujuan keperluan projek dijalankan hingga kepada bagaimana pengurusan perolehan akan digunakan. Ia diperlukan bagi menambahkan keyakinan institusi korporat yang mahu menyumbang atau membayai projek-projek yang hendak dilaksanakan menggunakan dana yang besar. Skop Harta wakaf yang terkumpul perlu diproduktif dan dikomersialkan. Dalam usaha meningkatkan hasil dana wakaf, penglibatan secara komersial seperti membangunkan bangunan-bangunan perniagaan untuk disewa, memajukan projek-projek perumahan dan perniagaan runcit (seperti stesen minyak) dan perhotelan. Hasil tersebut mampu untuk meningkatkan perolehan dana wakaf seperti hasil bayaran sewaan dan keuntungan bank dari akaun tetap dan semasa.

Antara usaha lain yang boleh dilakukan ialah dengan melabur di dalam saham korporat, pertanian dan perikanan, projek-projek perkhidmatan kesihatan dan kemudahan, dan lain-lain lagi (Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid, 2014). Seterusnya Siti Umairah Ali Hamdan (2016) mencadangkan agar syarikat subsidiari di bawah universiti ditubuhkan supaya dapat membantu universiti membuat pelaburan dana secara lebih kormersil. Peranan syarikat adalah sebagai pengurus dalam memastikan aktiviti pelaburan wakaf dijalankan secara teratur dan sistematis serta menjana keuntungan wakaf dalam jangka masa panjang. Aktiviti pertanian dan perladangan ini juga boleh dimanfaatkan oleh pelajar dari jurusan yang berkaitan dengan melakukan aktiviti amali di atas tanah berkenaan.

### **4. Jalinan Kerjasama Antara Pihak Berkepentingan**

Pihak universiti perlu menjalinkan kerjasama dengan Agensi Berkaitan Wakaf (ABW)

terutama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mengelakkan perlanggaran berkaitan bidang kuasa kerana wakaf adalah perihal keagamaan yang terletak di bawah kuasa kerajaan negeri di bawah Jadual 9 Senarai II Perlembagaan Persekutuan. Aspek kerjasama ini juga mempunyai perihal pentingnya terutamanya berkaitan kelulusan MAIN untuk melantik Universiti Awam sebagai pentadbir dan pengurus dana wakaf. Di samping itu, kerjasama ini diperlukan bukan sahaja untuk pemantauan, malah ianya membuka ruang kerjasama dan perbincangan yang lebih luas di antara pentadbir dan pengurus wakaf di universiti dan MAIN dalam usaha merancakkan lagi aktiviti wakaf pendidikan dan mencapai objektif yang digariskan. Kerjasama MAIN untuk sama-sama membantu bagi mempromosikan wakaf kepada seluruh rakyat negeri masing-masing adalah satu tindakan yang memberi impak yang sangat memberansangkan dan positif dalam pertumbuhan dan pembangunan universiti itu sendiri.

Selain itu, jalinan rangkaian dan hubungan yang luas seperti dengan pihak dana wakaf yang lain perlu diwujudkan. Ini kerana dana wakaf institusi pendidikan tinggi ini tidak mewujudkan persaingan daripada segi dana wakaf institusi kecuali dalam usaha-usaha meraih wakaf dari syarikat-syarikat korporat. Hubungan yang baik dengan syarikat-syarikat korporat dalam dan luar negara, pelopor wakaf yang telah maju ke depan seperti JohorCorp dan pelbagai lagi adalah amat penting (*Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid, 2014*).

### **5. Polisi yang Seragam Sebagai Panduan**

Polisi wakaf untuk pendidikan tinggi perlu dibina agar ia menjadi panduan semua pihak. Seterusnya, polisi yang dibina diharapkan dapat digunakan untuk memandu dan memacu pembangunan Tabung Wakaf pendidikan tinggi. Undang-undang yang dirujuk berkaitan wakaf perlu diharmonikan dan dipinda, jika perlu. Tentunya usaha ini perlu mendapat kerjasama yang jitu daripada pelbagai pihak terutama Kementerian Pendidikan Tinggi, agensi berkaitan wakaf dan Universiti Awam bagi memastikan keseragaman dasar dan peraturan demi menjayakan Tabung Wakaf di Universiti Awam. Selain itu, MAIN juga perlu mewujudkan dasar yang jelas berkaitan penubuhan Tabung Wakaf di Universiti Awam bukan hanya sekadar merujuk kepada undang-undang sedia ada secara umum bagi memperkasakan lagi wakaf di institusi pendidikan tinggi pada masa akan datang.

### **7. Kesimpulan**

Pelaksanaan wakaf dengan menubuhkan Tabung Wakaf diharapkan dapat mengurangkan bajet kerajaan dalam menyalurkan dana kepada Universiti Awam. Namun sejauh mana ia mampu dilaksanakan dan direalisasikan bermula dari akar umbi perancangan. Segala isu-isu dan cabaran yang diketengahkan bukan sekadar dibincangkan tetapi memerlukan tindakan susulan agar wakaf dapat direalisasikan di Universiti Awam dengan jayanya selaras dengan kejayaan universiti-universiti wakaf terkemuka dunia. Namun begitu, penulis percaya bahawa dengan semangat proaktif pelbagai pihak terutama warga universiti itu sendiri diharapkan hasilnya dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Selain itu, keberkesanannya wakaf adalah bergantung kepada sejauhmaka pelaksanaan wakaf di institusi yang terlibat mampu mencapai objektif wakaf iaitu penyaluran manfaat seperti yang ditetapkan dalam Islam. Ini kerana wakaf mempunyai nilai estetika yang tinggi bagi melahirkan sebuah institusi pendidikan yang lestari dan cemerlang. Pengalaman beberapa universiti wakaf terkemuka di luar negara dalam menerajui dana wakaf perlu dipelajari demi kelangsungan wakaf di universiti di Malaysia


## Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada kajian dalam geran [FRGS/1/2016/SSI10/UITM/02/4]. Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi kerana membiayai penyelidikan ini.

## Rujukan

- Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor. (2015). Potensi wakaf pendidikan tinggi di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminah Md Yusof. (2016, January 18). Wakaf universiti: Di mana kita? Utusan Online. Diakses pada 1 Januari 2017, daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/wakaf-universiti-di-mana-kita-1.424757>.
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.
- Fadhilah Abdullah Asuhaimi, Shafii, Z., Alias, M., & Nursilah Ahmad. (2017). The effort of selected public and private universities to develop awqaf property in Malaysia. Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities, 25(Special Issue), 267–280.
- Fadhilah Abdullah Asuhaimi, Zurina Shafii, Nursilah Ahmad, & Mohammad Alias. (2017). A study on the willingness of State Islamic Religious Councils to support waqf development in higher education. Journal of Management and Islamic Finance Research, 14(1 June).
- Ismail Omar. (2016a). Cabaran tabung wakaf universiti awam. Utusan Online. Diakses pada 1 Januari 2017, daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/cabaran-tabung-wakaf-universiti-awam-1.379845>.
- Ismail Omar. (2016b). Keperluan wakaf di universiti. Utusan Online. Diakses pada 1 Januari 2017, daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/keperluan-wakaf-di-universiti1.426210#sthash.53K397s8.dpuf>.
- Mohd Ali Muhamad Don. (2016). Peranan wakaf untuk pembangunan pendidikan tinggi: Sejarah silam dan contoh pelaksanaan di Malaysia. Dalam 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (pp. 188–194).
- Nur Saadah Rozali, Suhaili Alma'amun, & Shifa Mohd Nor. (2016). Dana untuk pendidikan di universiti melalui crowdfunding: Satu kajian awal. Dalam Prosiding 3rd Conference on Malaysian Islamic Economics and Finance (CMIEF) 2016 (pp. 78–88).
- Nuruliman Ibrahim. (2016). Pengalaman wakaf ilmu UPM. Dalam Seminar Wakaf Pengajian Tinggi.
- Razali Othman. (2014). Penggunaan wang sebagai instrumen wakaf tunai: Satu teoretis. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2016). Cabaran wakaf pendidikan IPT masakini. Dalam Seminar Wakaf Pendidikan & Kesihatan KPJUC, 17 November 2016.

- Siti Mashitoh Mahamood, & Asmak Ab Rahman. (2015). Financing universities through waqf , pious endowment: Is it possible ? Emerald Insight Humanomics, 31(4), 430–453.
- Siti Umairah Ali Hamdan. (2016). Konsep dan pelaksanaan wakaf korporat di institusi pengajian tinggi di negeri Selangor: Kajian menurut perspektif perundangan. Universiti Malaya.
- Siti Zakiah Ali, & Hairunnizam Wahid. (2014). Peranan dan kepentingan dana wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. Dalam Prosiding PERKEM (Vol. 9, pp. 216–225).
- Suhaili Sarif, Nor 'Azzah Kamri, Siti Mashitoh Mahamood, & Muhammad Zaid Suhaimi. (2015). Komunikasi dan pelaporan sebagai mekanisme tadbir urus dan kemampunan wakaf pendidikan tinggi. Dalam Baharuddin Sayin (Ed.), Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia Satu Penantian (pp. 85–99). Universiti Teknologi Mara.
- Syarimie Wosley. (2016). UMK anjur seminar pembangunan wakaf pendidikan tinggi, pupuk kefahaman masyarakat pelaksanaan agenda wakaf di universiti awam. Berita Universiti Malaysia Kelantan. Diakses pada 1 Januari 2017, daripada <http://www.umk.edu.my/index.php/my/component/k2/itemlist/category/78-latest-news>
- Wan Kamal Mujani, Mohd Syakir Mohd Taib, & Mohamad Khairul Izwan. (2016). Waqf higher education in Malaysia. Dalam International Conference on Education, E-learning and Management Technology (EEMT 2016) (pp. 519–522).
- Zanariah Abd Mutualib. (2016, August 24). Tabung wakaf tampung kos universiti. Berita Harian. Diakses pada 1 Januari 2017, daripada [http://www.umlib.um.edu.my/newsCut\\_details.asp?cutid=17340#sthash.QxMusjXi.dpbs](http://www.umlib.um.edu.my/newsCut_details.asp?cutid=17340#sthash.QxMusjXi.dpbs).



VOA - ISBN: 1985-5079

